

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH : 16.5.2016**

**SOALAN :**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan implikasi operasi pengurusan sekolah-sekolah ekoran pengubahsuaian Bajet 2016 serta langkah-langkah Kementerian mengatasinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua;

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited memastikan operasi pengurusan sekolah-sekolah tidak akan terjejas ekoran pengubahsuaian bajet tahun 2016. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh KPM ialah menyemak dan menyusun semula aktiviti-aktiviti yang telah dirancang mengikut keutamaan berdasarkan peruntukan yang diluluskan supaya tidak menjejaskan pelaksanaan agenda pendidikan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM turut melaksanakan penjajaran peruntukan sedia ada untuk menampung keperluan kritikal,

menggalakkan pelaksanaan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dan perbelanjaan secara berhemat bagi mengoptimumkan peruntukan KPM.

RJM12